

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Harian Metro, Malaysia
09 May 2014, by Sharifah Norfaezah Wan Ahmad Makki

Business & Finance, page 71 - 241.00 cm²
Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 403,640
(MTWTF)

ID 255491784

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 1

bina kilang gula baru

Usahasama dengan syarikat UAE, bakal jadi hab pengeluaran Asia Pasifik

Oleh Sharifah Norfaezah
Wan Ahmad Makki Mashor
norfaezah@mediapri-
ma.com.my

Mediaprima

MSM Holdings, anak syarikat FELDA Global Ventures Holdings Berhad optimis pengeluaran gulanya mampu ditingkatkan sebanyak dua kali ganda apabila menjalin kerjasama dengan Al-Khalieej International Ltd (AKI) yang berpangkalan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi membina kilang penapis gula baru di Johor.

Kilang yang dijangka siap pada 2016 itu mampu mencapai kapasiti pengeluaran 3.25 juta tan metrik gula bertapis setahun berbanding

1.25 juta tan metrik ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Datuk Sheikh Awab Abod berkata, pelaburan bagi projek itu antara RM820 juta hingga RM840 juta.

Katanya, syarikat itu akan memanfaatkan teknologi dalam pengeluaran besar-besaran dan berkos rendah yang dimiliki AKI.

"Syarikat optimis mencapai matlamat menjadi hab pengeluaran gula bertapis bagi rantau Asia Pasifik, sekali gus memboleh-

kan Malaysia menjadi pelopor dalam segmen ini.

"Kita percaya kumpulan akan menjadi lebih berdaya saing dalam menawarkan harga gula selain mengurangkan kos antara 35 dan

38 peratus," katanya pada sidang media selepas mendatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Pengarah AKI Hassa Al Ghurair, di sini, semalam.

Hadir sama menyaksikan adalah Pengurus MSM Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Pengarah MSM me-

rangkap Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif FGV Mohd Emir Mavani Abdulla.

Turut hadir, Duta Besar UAE ke Malaysia Abdulla Matar Al Mazrouei.

Sheikh Awab berkata, MSM memiliki 51 peratus pegangan dalam syarikat usaha sama itu manakala selebihnya dimiliki AKI.

Menurutnya, ia adalah kilang penapis gula tercanggih, termasuk kompleks logistik serta terminal kapal di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.



SHEIKH Awab (kiri) bertukar MoU dengan Hassa (kanan) sambil disaksikan Mohd Isa (dua dari kiri) dan Abdulla, semalam.